

11 SEP 2003

PARLIMEN-BANK ISLAM (GULUNG)

AGENSI KERAJAAN ADA 20 PERATUS DEPOSIT DALAM PERBANKAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Deposit agensi kerajaan di dalam perbankan Islam adalah kira-kira 20 peratus daripada keseluruhan deposit perbankan Islam dalam negara, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail berkata, angka itu adalah bukti jelas mengenai sokongan kerajaan terhadap institusi perbankan Islam di negara ini.

"Kerajaan sentiasa menggalakkan agensi-agensi kerajaan di negara ini menggunakan perkhidmatan perbankan Islam," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 di sini.

Semasa perbahasan, Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) berkata bahawa perkhidmatan Bank Islam lebih banyak digunakan oleh penyokong-penyokong PAS berbanding penyokong kerajaan.

Dakwaan Mohamad itu dibantah oleh Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar.

Isu itu timbul apabila Mohamad berkata : "Saya tak nampak orang Umno menyimpan di Bank Islam, sebaliknya orang PAS sahaja yang kebanyakannya melabur dalam Bank Islam. Adakah ini bermakna orang Umno tidak yakin dengan Bank Islam sedangkan bank itu ditubuhkan oleh kerajaan?"

Noh kemudian bertanya Mohamad bagaimana beliau boleh menentukan parti mana yang disokong oleh seseorang pelanggan Bank Islam.

"Bagaimana Yang Berhormat tahu bahawa orang yang menyimpan di bank itu orang PAS atau orang Umno, yang terhormat tanya ke? Atau adakah Yang Berhormat tengok yang pakai songkok putih tu orang PAS dan yang pakai songkok hitam tu orang Umno?"

"Kalau macam tu Yang Berhormat di sana (menunjuk arah beberapa pembangkang yang memakai songkok hitam), pakai songkok hitam orang Umno ke? Malah Ketua Pemuda (PAS, Mahfuz Omar) ketika menyambut ketibaan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz (Nik Mat) semalam juga pakai songkok hitam, beliau juga orang Umno ke? Ini yang terhormat kena jelaskan," kata Noh.

Bagaimanapun Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail menghentikan perdebatan itu sebelum ianya berlarutan.

Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 itu bertujuan membolehkan Menteri Kewangan memberi lesen kepada syarikat asing menubuhkan Bank Islam dan menjalankan perniagaan perbankan Islam di Malaysia. Rang Undang-undang itu kemudiannya diluluskan.

Persidangan dewan disambung pukul 4 esok untuk pembentangan Bajet oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

SNS NN MAI AHM